SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 (64)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN GALAKKAN PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA DALAM MEMPERKUKUH PELABURAN DAN PEMBIAYAAN ADAPTASI IKLIM

Kerajaan terus memperkukuh agenda adaptasi perubahan iklim melalui pembangunan *Malaysia National Adaptation Plan (MyNAP)* serta menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam aspek mobilisasi pembiayaan ke arah meningkatkan daya tahan iklim Malaysia.

“Perubahan iklim bukan lagi sekadar isu alam sekitar, tetapi turut memberi kesan kepada ekonomi, perniagaan, pelaburan dan kesejahteraan rakyat. Justeru, adaptasi perlu dilihat sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan dan daya saing negara. Kita perlu memastikan keutamaan adaptasi diterjemahkan kepada tindakan dan pelaburan yang dapat mengurangkan risiko serta melindungi ekonomi negara,” kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YBhg. Datuk Seri Arthur Joseph Kurup.

MyNAP sedang dibangunkan sebagai strategi nasional untuk mengenal pasti risiko, menetapkan keutamaan dan memandu tindakan adaptasi merentasi lima sektor utama, iaitu air dan sumber pesisir, pertanian dan keterjaminan makanan, perhutanan dan biodiversiti, bandar dan infrastruktur serta kesihatan awam. Pendekatan *Whole-of-Government* dan *Whole-of-Society* akan memperkukuh penyelarasan antara Kerajaan, sektor swasta, institusi kewangan dan pihak berkepentingan.

Agenda adaptasi perubahan iklim ini turut mencerminkan aspirasi Malaysia MADANI yang mengangkat nilai Kemampanan dan Kesejahteraan sebagai asas pembangunan negara, di samping memperkukuh Daya Cipta melalui penerapan teknologi, inovasi dan pendekatan pembiayaan baharu. Pada masa yang sama, kerjasama erat antara Kerajaan, sektor swasta, institusi kewangan dan masyarakat mencerminkan semangat Keyakinan dan Ihsan dalam memastikan

tindakan menangani risiko perubahan iklim dilaksanakan secara bersama, inklusif dan memberi manfaat kepada rakyat serta menjamin kelangsungan generasi akan datang.

“Kerajaan mempunyai peranan penting dalam menyediakan dasar dan persekitaran yang kondusif. Namun, kita tidak boleh melaksanakan agenda daya tahan iklim secara bersendirian. Penglibatan sektor swasta dan institusi kewangan amat penting untuk memobilisasi modal, teknologi, inovasi dan kepakaran bagi memperluas tindakan adaptasi,” tambah beliau.

Memandangkan pembiayaan awam sahaja tidak mencukupi dan terhad, mobilisasi modal swasta perlu diperkukuh melalui pendekatan seperti kerjasama awam-swasta, *blended finance* dan mekanisme jaminan yang bersesuaian. Pada masa yang sama, pembangunan projek adaptasi dengan keutamaan, manfaat ekonomi dan struktur pembiayaan yang jelas perlu dipertingkat bagi membuka lebih banyak peluang pelaburan.

Perkara ini menjadi fokus *MyNAP High-Level Forum: Mobilising Private Sector Action and Adaptation Finance for a Climate-Resilient Malaysia, yang diadakan bersempena IGEM 2026*. Forum ini menghimpunkan wakil Kerajaan, sektor swasta, institusi kewangan dan pelabur bagi membincangkan risiko iklim serta peluang pembiayaan, pelaburan dan kerjasama untuk tindakan adaptasi.

Forum ini turut disertai oleh pegawai peringkat tinggi Kementerian, YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam) NRES; YBrs. Puan Ruzina Hasan, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British High Commission Kuala Lumpur; YBrs. Tuan Silke Riecken-Daerr, Duta Besar Jerman ke Malaysia; serta YBrs. Dr. Orville Grey, Head of Secretariat, NAP Global Network. Penyertaan ini mencerminkan komitmen dan kerjasama pelbagai pihak dalam memperkukuh agenda adaptasi dan pembiayaan iklim.

“Melalui MyNAP, kita akan menterjemahkan pemahaman risiko iklim kepada tindakan yang lebih tersusun dan boleh dilaksanakan. Saya menyeru sektor swasta, institusi kewangan dan pelabur untuk bersama-sama memobilisasi pembiayaan dan membangunkan penyelesaian yang dapat memperkukuh daya tahan Malaysia terhadap perubahan iklim,” kata beliau.

NRES akan terus memperkukuh kerjasama merentas sektor bagi memastikan adaptasi diterjemahkan daripada dasar dan perancangan kepada pembiayaan, pelaburan dan tindakan sebenar yang meningkatkan daya tahan rakyat, ekonomi dan pembangunan negara.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
7 OKTOBER 2026

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763